



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG  
MAHA MULIA (D.3 EB.4)  
PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN PENERBANGAN KEBAWAH DULI  
YANG MAHA MULIA  
PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
D.3 EB.4 (\$900 - \$1,465 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (*NC*) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai Pembantu Keselamatan Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam tangga gaji D.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- d) Pernah berkhidmat dengan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) atau Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) sekurang-kurangnya berpangkat Pegawai Waran Kelas I.
2. Keutamaan diberikan kepada calon **lelaki**.
3. Boleh mempelajari, mengaplikasi dan mengikuti teknologi sekuriti terkini serta mengetahui isu-isu keselamatan terkini dengan cepat serta mempunyai kemahiran penyelesaian masalah dengan baik.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab kepada Pegawai Keselamatan Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi membantu untuk menyelaraskan perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal keselamatan;
2. Mengambil alih tugas Pegawai Keselamatan Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa ketiadaannya atau jika diperlukan;
3. Memberi sokongan dan perancangan kepada pelaksanaan tugas-tugas kawalan keselamatan kepada Pegawai Keselamatan Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia;
4. Mengawasi semua Penjaga Keselamatan Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi mendapatkan maklumat mengenai hal ehwal dan masalah untuk dimaklumkan kepada Pegawai Keselamatan untuk panduan bagi sesuatu penilaian sama ada ianya untuk perseorangan, kumpulan atau pejabat keselamatan keseluruhannya;
5. Membuat tindakan jika apa-apa perkara dan kejadian itu difikirkan memerlukan tindakan dan nasihat serta pandangan. Jika ianya diluar kuasa Penolong Pegawai Keselamatan, hendaklah dilaporkan kepada Pegawai Keselamatan;
6. Hendaklah bersiap sedia jika sekiranya dikehendaki untuk memberi laporan sulit mengenai kakitangan kepada Pegawai Keselamatan terutamanya Penjaga Keselamatan; dan
7. Membuat penilaian dan memberi cadangan kepada Pegawai Keselamatan untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan kakitangan bahagian keselamatan.